

20 MAY 1999

Khalil-Pahang

HUBUNGAN RAPAT BAWA KEJAYAAN KEPADA PAHANG, KATA KHALIL

KUANTAN, 20 Mei (Bernama) -- Tan Sri Khalil Yaakob, yang menerajui kepimpinan Pahang sebagai Menteri Besar selama 13 tahun hari ini berkata, hubungan erat yang dipupuk di kalangan pelbagai peringkat di negeri ini merupakan kejayaan yang amat bermakna bagi dirinya.

Katanya, hubungan rapat itu berjaya diwujudkan antara raja pemerintah, kerajaan, Anggota Dewan Undangan Negeri, kakitangan kerajaan dan sektor swasta berikutan kesedaran kesedaran untuk memajukan Pahang.

"Dalam hal itu, saya rasa sedikit sebanyak, saya telah dapat melaksanakannya," katanya pada persidangan berita di pejabatnya di sini, bagi mengulas rombakan Kabinet yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam rombakan itu, Khalil, 61, dilantik sebagai Menteri Penerangan dan Setiausaha Agung Umno yang baru, manakala Pengerusi Jawatankuasa Agama dan Pendidikan Negeri, Datuk Adnan Yaakob dinamakan sebagai Menteri Besar Pahang yang baru.

Mengenai pelantikannya itu, Khalil berkata beliau berterima kasih kepada pucuk pimpinan parti dan kerajaan, yang memberikan kepercayaan kepadanya untuk memikul tanggungjawab yang penting pada peringkat parti dan kerajaan.

"Saya akan berusaha sedaya upaya untuk memenuhi arahan pucuk pimpinan dan juga berikhtiar memenuhi keperluan kerajaan Barisan Nasional serta parti melalui portfolio yang saya pegang dan jawatan Setiausaha Agung Umno," katanya.

Beliau dijadualkan mengangkat sumpah sebagai Senator Isnin ini dan seterusnya mengangkat sumpah sebagai menteri pada hari berikutnya.

Katanya, sebagai Setiausaha Agung Umno pula, beliau akan meneruskan kerja-kerja baik yang dijalankan oleh bekas Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik kerana proses kesinambungan di kalangan anggota-anggota Umno sentiasa ada.

Mengenai kedudukannya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri dan Pengerusi Barisan Nasional Negeri, Khalil berkata beliau dimaklumkan oleh Perdana Menteri dalam satu pertemuan baru-baru ini untuk terus memegang kedua-dua jawatan itu.

Semasa ditanya tentang pelantikan Adnan sebagai penggantinya, beliau percaya sebagai anggota Exco Kanan, Adnan memahami segala liku-liku mengenai keperluan bagi jawatan Menteri Besar di negeri ini.

"Saya menganggap ini sebagai satu kelebihan kepadanya kerana beliau seringkali menganggotai semua mesyuarat peringkat negeri dan turut menyertai dalam sebarang keputusan yang dibuat oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata Adnan juga merupakan Ketua Umno Bahagian Bentong dan juga Ketua Penerangan Umno Negeri, yang mana beliau percaya kedua-dua jawatan itu dapat membekalkan Adnan kekuatan untuk terus mengukuhkan lagi Umno Pahang.

Mengenai pelantikan anggota Exco Kerajaan Negeri yang baru, beliau berkata ianya terpulang kepada Menteri Besar yang baru untuk mengumumkannya selepas majlis mengangkat sumpah kelak.

Adnan akan mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar Pahang ke-14 di hadapan Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah di Istana Abu Bakar Pekan Selasa ini.

-- BERNAMA

ROS RI

